

KEPELBAGAIAN BARANG KEMAS TIRUAN
UNTUK WANITA HARIINI

AHMAD FAIRUL BIN AHMAD FAHMIN

99120075

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Logam Halus.

1. Diperiksa oleh Tarikh
2. Diperiksa oleh Tarikh
3. Diperiksa oleh Tarikh

Dekan,

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,

Universiti Teknologi MARA,

40450 Shah Alam,

Selangor Darul Ehsan.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bersyukur ke atas hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnianya dapat juga saya menyudahkan penulisan tesis ini. Kepelbagaian barang kemas tiruan untuk wanita hari ini telah memberi makna yang amat penting dalam pemilihan tajuk tesis saya. Berkat dan kesabaran adalah salah satu peranan penting dalam menjayakan penulisan ini, walaupun pelbagai rintangan dan cabaran harus ditempuhi.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pensyarah Seni Reka Logam Halus terutama penasihat saya iaitu Pn Fauziah Kassim diatas segala dorongan dan tunjuk ajar yang diberikan dalam menjayakan penulisan ini. Ucapan terima kasih juga tidak dilupakan buat keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa membantu dan memberi cadangan dalam menyempurnakan usaha saya ini. Segala bantuan yang diberikan akan dihargai dan dikenang sepanjang hayat. Diharapkan ianya berterusan pada masa-masa yang akan datang.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tak terhingga ditujukan ke atas kakitangan perpustakaan UiTM dan perpustakaan Shah Alam

SINOPSIS

Pengkajian dan penyelidikan tentang pelbagai barang kemas tiruan yang menjadi pilihan pada masa kini adalah bertujuan untuk mengupas tentang kewujudan barang kemas ini dan juga kesannya.

Kajian yang dibuat adalah meliputi segala hal yang berkait rapat dengan barang kemas tiruan iaitu menjadi pilihan masa kini, tujuan pemilihan, faktor dan penerimaan serta kesannya terhadap barang kemas asli. Kajian ini juga mengkaji tentang sejarah dan kewujudan barang kemas di Malaysia, bahan-bahan yang digunakan, peranan perkembangan dan tip penjagaan.

Dalam melengkapkan tesis ini, kaedah data primer telah digunakan. Ini meliputi temuramah dan pemerhatian terhadap koleksi yang terdapat di pasaran. Melalui data sekunder pula, kajian dijalankan dengan mencari bahan-bahan rujukan seperti buku, majalah dan artikel yang berkaitan dengan tajuk tesis ini.

Penggunaan bahan-bahan yang murah dan juga mudah didapati ini adalah satu faktor utama dalam mendorong kewujudan barang kemas tiruan ini. Kepelbagaiannya corak dan warna yang menarik telah menambahkan lagi minat para pembeli untuk mencuba produk yang setanding atau setaraf dengan barang kemas asli.

ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Halaman pemeriksa	i
Penghargaan	ii
Sinopsis	iv
Isi kandungan	vi
Pengenalan	viii
Bab 1	
1.1 Definisi Barang Kemas Dan Barang Kemas Tiruan	1
1.2 Sejarah Barang Kemas Di Malaysia	3
1.3 Sejarah Barang Kemas Tiruan	6
1.4 Perkembangan Barang Kemas Tiruan Di Malaysia	8
1.5 Barang Kemas Dahulu Dan Sekarang	9
Bab 2	
2.1 Pengklasifikasian Barang Kemas	12
2.2 Penggunaan Bahan-Bahan :	
2.2.1 Bahan- bahan Logam	20
2.2.2 Bahan- bahan Bukan Logam	26

PENGENALAN

Apa yang dapat kita ungkapkan apabila mendengar atau menyebut tentang barang barang kemas. Ia akan merujuk kepada sesuatu objek yang mempunyai nilai dari segi harga, kualiti dan mutu. Ia juga boleh diungkapkan sebagai objek yang berkilau dan menarik perhatian jika dilihat. Ada juga yang dapat mengungkapkan perasaan nikmat apabila memakai perhiasan tersebut. Tidak kurang juga yang berpendapat bahawa barang kemas ini adalah satu simbol kemewahan. Kesimpulannya setiap orang mempunyai pengertian yang berbeza terhadap perhiasan tersebut namun apa yang pasti setiap perkataan yang digunakan berhubung barang kemas itu sendiri menggambarkan sesuatu yang memukau dan bernilai.

Seperti yang diketahui umum, barang kemas sebenarnya telah wujud lama dahulu di mana ia turut digunakan oleh orang-orang zaman batu. Namun apa yang membezakan adalah bahan-bahan untuk membuat perhiasan itu sendiri di mana mereka hanya menggunakan tulang-tulang sebagai lambang perhiasan diri. Apa yang pasti ia mempunyai fungsi yang sama iaitu sebagai barang perhiasan. Kemudian barulah timbulnya barang kemas asli iaitu yang diperbuat daripada emas.

Namun tidak semua golongan mampu untuk memiliki barang kemas tersebut terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah. Ini telah membuka mata para pereka untuk mereka dan mencipta barang yang lebih rendah nilainya menggunakan bahan-bahan yang berkos rendah dan mudah untuk diperolehi. Berbekalkan kreativiti sendiri, mereka telah